Tarikh Dibaca: 20 Jun 2025M I 23 Zulhijjah 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

"ENAKMEN JENAYAH SYARIAH: UNDANG-UNDANG YANG MENDIDIK"

Terbitan: Unit Khutbah Bahagian Pengurusan Masjid JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"ENAKMEN JENAYAH SYARIAH: UNDANG-UNDANG YANG MENDIDIK"

الْحَمْدُ لِللهِ الْقَائِل: إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ ٱلْكِتَابَ بِٱلْحُقِ لِتَحْكُم بَيْنَ الْحَمْدُ لِللَّهِ الْقَائِل: إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ ٱلْكَانِ لَكَانِينَ خَصِيمًا. النَّاسِ بِمَا أَرَىٰكَ ٱللَّهُ وَلَا تَكُن لِّلْخَابِنِينَ خَصِيمًا. اللهُ وَلَا تَكُن لِلْخَابِنِينَ خَصِيمًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ عَرْدُهُ وَصَحْبِهِ عَلَى أَلِهِ عَلَى اللَّهُ وَصَحْبِهِ عَلَى اللَّهُ اللّهُ اللَّهُ الللللَّهُ اللَّهُ اللّهُ اللللّهُ اللّهُ الللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللللّهُ الللّهُ اللّهُ الللّهُ اللّهُ اللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ الللللّهُ الللّهُ الللّهُ اللّهُ الللللّهُ الللّهُ الللّهُ الللّهُ اللّهُ اللّهُ اللللللّهُ اللللّهُ الللللّهُ الللّهُ الللللللّهُ اللللللّهُ اللللللّهُ الللّهُ الللل

أَمَّا بَعْدُ، فَيَاۤ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَالْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَنَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ. 2 تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ. 2

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ An-Nisa': 105.

² Ali-'Imran: 102.



diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini khatib akan membicarakan khutbah bertajuk "ENAKMEN JENAYAH SYARIAH: UNDANG-UNDANG YANG MENDIDIK". Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Undang-undang Syariah merujuk kepada satu cabang perundangan Islam yang berkaitan dengan perlakuan jenayah dan hukuman terhadap kesalahan tertentu. Sepertimana yang dibahaskan dalam kitab-kitab *fiqh al-Jinayat*, antara jenis hukuman yang telah ditetapkan oleh Syariat adalah hukuman *hudud* yang melibatkan kes-kes jenayah seperti zina, mencuri, minum arak, *qazaf* iaitu tuduhan zina tanpa 4 orang saksi lelaki, murtad dan *hirabah* iaitu jenayah merampas harta orang lain sama ada menggunakan kekerasan atau ugutan secara individu atau berkumpulan.

Selain daripada hukuman *hudud*, terdapat juga hukuman berbentuk *qisas*, iaitu hukuman balas terhadap jenayah yang melibatkan nyawa dan kecederaan anggota badan. Dalam kes sekiranya pengampunan diberikan oleh waris mangsa, maka pelaku akan dikenakan *diyat*, iaitu bayaran pampasan yang ditetapkan. Di samping itu, terdapat juga hukuman *takzir*, iaitu hukuman yang ditentukan oleh pihak pemerintah terhadap kesalahan-kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori *hudud* dan *qisas*. Hukuman ini tidak ditetapkan secara khusus oleh nas, tetapi diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah berdasarkan tahap keseriusan kesalahan dan maslahat umum masyarakat.



Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Di Malaysia, Undang-Undang Syariah dilaksanakan dalam bentuk Enakmen Jenayah Syariah di peringkat negeri-negeri. Enakmen Jenayah Syariah ini merupakan bentuk hukuman *takzir* yang digubal oleh pihak berautoriti (*ulil amri*) berpandukan prinsip-prinsip syariah dan masih dalam ruang lingkup bidang kuasa yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Berbeza dengan *hudud* dan *qisas* yang mempunyai had dan bentuk hukuman yang tetap sebagaimana digariskan oleh nas syarak, undang-undang syariah yang diamalkan pada hari ini lebih menumpukan kepada pelaksanaan hukuman *takzir*.

Undang-undang ini bersifat fleksibel dalam menentukan jenis dan kadar hukuman terhadap sesuatu kesalahan, tanpa menyalahi mana-mana prinsip asas syariah. Antara contoh kesalahan *takzir* yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah termasuklah mendakwa diri atau orang lain sebagai Nabi, Rasul, Imam Mahdi atau wali, menghina agama Islam atau mencemarkan kesucian agama, minum minuman yang memabukkan, melakukan persetubuhan luar nikah, berkhalwat, dan pelbagai lagi kesalahan lain yang berkaitan dengan pelanggaran akhlak dan adab syarie.

Kesemua bentuk kesalahan ini diberi perhatian dalam undang-undang syariah sebagai langkah pencegahan sosial dan pembinaan masyarakat Islam yang berakhlak dan bermaruah. Maka jelaslah bahawa pelaksanaan undang-undang ini bukanlah bertujuan menghukum semata-mata, tetapi ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab *ulil amri* dalam menjaga lima perkara utama yang dituntut syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.



Moga dengan wujudnya Enakmen Jenayah Syariah ini selari dengan hikmah diutuskan Rasulullah SAW, iaitu untuk menyempurnakan akhlak manusia dan membimbing mereka keluar daripada kegelapan jahiliyyah yang penuh dengan kezaliman dan penindasan.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik".

(Riwayat Ahmad).

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Di Negeri Selangor, penggubalan Enakmen Jenayah Syariah 1995 menjadi bukti nyata komitmen pelaksanaan syariat Islam yang berasaskan lima prinsip maqasid syariah seperti yang telah disebutkan tadi. Kelima-lima prinsip ini bukan hanya menjadi tonggak perundangan, malah berperanan sebagai kerangka penting dalam memastikan syariat Islam berfungsi untuk melindungi hak, maruah dan kehormatan insan yang disebut sebagai karamah insaniyyah. Mari kita lihat bagaimana prinsip-prinsip ini diterapkan dalam peruntukan Enakmen Jenayah Syariah yang telah digubal.

Pertama, dalam usaha menjaga agama, Seksyen 8 enakmen ini memperuntukkan hukuman terhadap perbuatan mendakwa diri atau orang lain sebagai nabi, rasul, Imam Mahdi atau wali. Ini bukan perkara remeh! la membuka ruang kepada ajaran sesat, memesongkan akidah umat, dan mengelirukan masyarakat.



Kedua, dalam memelihara kehormatan agama dan maruah umat Islam, Seksyen 10 memperuntukkan tindakan terhadap perbuatan menghina Islam atau memperlekehkan kesuciannya. Perbuatan mencela agama sama ada secara terbuka atau sindiran halus adalah racun yang mampu menggugat keharmonian dan menimbulkan keresahan masyarakat awam. Justeru, langkah penguatkuasaan ini amat penting bagi mengekang fitnah dan memelihara kesatuan umat.

Ketiga, dalam usaha menjaga akal fikiran, Seksyen 18 memperuntukkan larangan terhadap pengambilan dan arak bahan memabukkan. Sidang jemaah sekalian, bahan-bahan ini bukan hanya menghilangkan kewarasan individu bahkan boleh membawa kepada keruntuhan institusi keluarga dan menjadi punca kepada pelbagai jenayah yang menggugat ketenteraman awam.

Keempat, demi memelihara keturunan dan memartabatkan institusi keluarga, Seksyen 25 dan 29 enakmen ini memperuntukkan hukuman terhadap kesalahan zina dan khalwat. Kini, gejala sosial semakin membimbangkan, terdapat peningkatan kes anak tidak sah taraf dan kes-kes melibatkan konflik rumah tangga. Inilah kesan buruk apabila batas pergaulan tidak dijaga sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 32 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan)".

Kelima, bagi memelihara harta, Seksyen 17 enakmen ini memperuntukkan larangan terhadap perbuatan berjudi. Kita semua sedia maklum, judi bukan sekadar permainan untung nasib, tetapi satu permainan



yang menanam sifat tamak haloba serta mendorong kepada ketagihan dan jenayah. Dalam Islam, harta adalah amanah yang mesti diuruskan dengan penuh tanggungjawab, bukan dijadikan alat untuk memenuhi kehendak nafsu dan keseronokan yang bercanggah dengan syariat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 90 yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, sesungguhnya meminum arak, berjudi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan anak panah adalah (semuanya) perbuatan kotor (keji) daripada perbuatan syaitan! Maka, jauhilah (semua perbuatan) itu agar kamu berjaya".

Hadirin Jumaat yang Berbahagia,

Syariat Islam tidak hanya bicara tentang *hudud, qisas* dan *takzir* secara teori tetapi ia juga diterjemahkan melalui tarbiyah yang berterusan dan disokong dengan pelaksanaan undang-undang yang berkuat kuasa dalam konteks negeri-negeri pada hari ini.

Walaupun pelaksanaan hukum *hudud* dan *qisas* masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekangan perundangan dan faktorfaktor lain yang lebih utama untuk diberikan perhatian, janganlah kita lalai untuk melaksanakan apa yang mampu kita laksanakan. Ada satu kaedah menyebutkan:

"Apa yang tidak mampu untuk dilakukan kesemuanya, janganlah ditinggalkan kesemuanya atau sebahagian besar daripadanya (yang mampu dilakukan)."



Justeru, kewujudan Enakmen Jenayah Syariah ini adalah usaha serius daripada institusi-institusi Agama, khususnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor bagi memelihara akhlak, akidah dan kesejahteraan masyarakat. Ia bukan undang-undang yang membelenggu, tetapi sebenarnya ia undang-undang yang membela dan mendidik. Sebagai orang Islam kita hendaklah memelihara, menghormati dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh *ulil amri* ini.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dan panduan dalam hidup kita iaitu:

- 1. Umat Islam hendaklah memahami intipati yang terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah sebagai satu usaha pemerkasaan syariat secara berperingkat dalam konteks perundangan negara.
- 2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa tarbiyah yang berterusan disokong dengan pelaksanaan undang-undang mampu membina umat yang berdisiplin, berakhlak mulia dan terpelihara daripada kerosakan sosial.
- 3. Umat Islam hendaklah berusaha memelihara diri, ahli keluarga dan masyarakat daripada melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan syariat.



أُعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَدَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَكَ خَلِيفَةً فِي ٱلْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِٱلْحُقِ وَلَا تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ وَلَا تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُواْ يَوْمَ ٱلْحِسَابِ.

"Wahai Daud, sesungguhnya Kami jadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukuman kepada manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu)! Dan janganlah pula kamu mengikut hawa nafsu kerana hal itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat daripada jalan Allah SWT akan mendapat azab yang berat pada hari perhitungan disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu".

(Surah Sad: 26).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَكُمْ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ اللهَ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. أَمَّا وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ إِتَّقُواْ اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَقَدْ فَاذَ اللهِ أَنَّ اللهِ اللهُ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ الله

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَكَيِكَتَهُ و يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ يَنَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَى عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا. 3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اللَّهُمَّ الْمُسْلِمَاتِ الْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْیَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِیْعٌ قَرِیْبٌ مُجِیْبُ الدَّعَوَاتِ وَیَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

³ Al-Ahzab: 56.



ٱللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ أُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْن الرَّبَّانِيَّةِ، وَبحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظِّم، سُلْطَان سلاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزبز الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، مِنْكَ، لِوَلِيّ عَهْدِ سلاغُور، تعْكو أمِير شَاه إبْن شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج، فِيْ وَعَافِيَةِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلالِ وَالْإِكْرَامِ. لِلْمُوَظِّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat.



Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبُ لَنَا مِنْ أُزُورِجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعُيْنِ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. ٩ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْآخِرةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ. ٩ عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدُلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيٍ ذِي ٱلْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدُلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيٍ ذِي ٱلْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ اللَّهَ وَٱلْمُنكرِ وَٱلْبَغَيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . ٩ الله حَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاشْلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا وَاسْتُهُ مَا اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.